

11/01/2003

Rakyat kita lebih daya tahan

Dr Azmi Hassan

BUKU *Defending The Lion City: The Armed Forces of Singapore* tulisan Pengarah Pusat Kajian Asia Tenggara, University of Hull di England, T J Huxley, mengandungi beberapa analisis melampau, tidak betul dan memperlekeh kemampuan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Huxley, juga bekas fellow Institut Kajian Asia Tenggara, Singapura membuat andaian Angkatan Tentera Singapura (SAF) dengan mudah dan cepat mampu menumpaskan sistem pertahanan ATM.

Beliau mengandaikan jika serangan dilakukan menggunakan segala kekuatan

SAF, Malaysia dapat ditawan dalam masa beberapa jam saja.

Rakyat Malaysia yang membaca buku ini pasti gerun bercampur marah dengan

andaian Singapura dengan empat juta penduduk berbanding Malaysia 24.5 juta

orang, malah dari segi keluasan lebih kecil daripada Perlis, dapat menumpaskan ATM dan menawan negara ini dengan begitu mudah.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut membuat ulasan dengan mengingatkan

sebarang pihak supaya tidak membuat andaian mengenai kekuatan pertahanan Malaysia tanpa mengujinya.

"Ya, kita akan tengok. Rasa enak kek akan hanya diketahui setelah kita mencubanya. Anda cuba, Huxley juga boleh cuba," kata Perdana Menteri.

Andaian Huxley itu dibuat berpandukan tiga kelebihan SAF berbanding ATM,

antaranya anggota SAF berpendidikan tinggi dan ditambah dengan faktor ketiga-tiga cabang perkhidmatan SAF mempunyai kerjasama rapat dan efisien.

Tetapi asas yang memperkuatkan kepercayaan Huxley ialah SAF mempunyai peralatan ketenteraan berteknologi tinggi, maka kekuatan SAF tiada tolok bandingnya.

Anggota SAF memang mempunyai tahap pendidikan tinggi berdasarkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) sains pertahanan mereka yang agak aktif.

Makmal Nasional Organisasi Sains Pertahanan (DSO) Singapura yang ditubuhkan 30 tahun lalu mempelopori aktiviti R&D melalui 1,000 staf daripada pelbagai bidang kepakaran.

Tetapi perlu diingat aktiviti makmal itu bukan dipelopori anggota SAF tetapi diusahakan oleh industri pertahanan Singapura.

Aktiviti R&D itu sebenarnya tidak memberi kesan secara langsung terhadap

kecekapan anggota SAF dalam situasi konflik tetapi lebih mirip kepada keuntungan dari segi ekonomi.

Huxley juga cuba menonjolkan keberkesanan ketiga-tiga cabang perkhidmatan SAF tetapi hakikatnya ialah tahap efisien yang tinggi hanya berlaku mengenai pembahagian tugas, R&D dan perolehan senjata.

Agensi Sains Pertahanan dan Teknologi (DSTA) Singapura memainkan peranan

utama supaya tiada pertindihan dalam ketiga-tiga aktiviti untuk tentera

darat, laut dan udaranya.

Pertindihan dalam ketiga-tiga aspek itu sememangnya jarang berlaku kerana DSTA mempunyai kuasa mutlak yang dimandatkan oleh Parlimen Singapura untuk memantau perjalanan semua organisasi SAF.

Peralatan ketenteraan berteknologi tinggi SAF sememangnya tidak boleh dinafikan memberi kelebihan kepada Singapura.

Kebanyakan peralatan ini, seperti jet pejuang F-16, A-4, F-5 dan kapal terbang pengisi minyak KC-135, dibekalkan oleh Amerika Syarikat. Setiap perolehan peralatan ketenteraan Singapura boleh dianggap melampau dan kadangkala tidak masuk akal.

Contoh paling mudah ialah jumlah jet pejuang F16 yang dimiliki Singapura. Ketika ini mereka mempunyai 38 jet pejuang F16 yang bersamaan satu jet pejuang untuk setiap 55 km persegi Singapura jika dianggap jarak operasi F16 ialah 1,000 km.

Secara perbandingan, rejim Israel yang berdepan dengan konflik setiap hari hanya mempunyai satu jet pejuang F16 untuk setiap 80 km persegi negara itu!

Perolehan 20 helikopter tempur generasi baru Apache AH-64D Longbow yang mampu membawa 16 peluru berpandu Hellfire menambahkan lagi gah SAF.

Adakah 20 helikopter itu memang diperlukan atau bilangan yang melampau?

Amerika negara pengeluar helikopter itu pun, hanya mempunyai tiga batalion helikopter tempur Apache.

Batalion helikopter tempur terbaru tentera darat Amerika yang berpangkalan di Hunter Army Airfield, Georgia hanya mempunyai 24 helikopter jenis sama.

Bayangkan Singapura - keluasannya lebih sedikit daripada Pulau Pinang - mempunyai 20 helikopter, sudah tentu dapat menubuhkan batalion helikopter tempur mereka tersendiri.

Walaupun SAF mempunyai kelebihan kelengkapan peralatan ketenteraan, namun kekangan terhadap kawasan yang dimiliki Singapura membantutkan tanggapan anggota tentera SAF adalah satu organisasi yang patut digeruni.

Untuk mengatasi masalah kekurangan kawasan, Singapura terpaksa menempatkan peralatan dan mengadakan latihan di rantau yang jauh dari pulau itu. Setakat ini mereka menempatkan anggota dan peralatan SAF di lebih 10 negara.

Apabila Singapura memperoleh sejumlah jet pejuang F-16 beberapa tahun lalu, mereka terpaksa menempatkannya di empat pangkalan udara Amerika kerana tidak mempunyai ruang udara melakukan latihan.

Kebanyakan anggota tentera udara mereka melakukan latihan jet F-16, kapal terbang pengisi minyak KC-135 dan helikopter CH-47 di pangkalan udara Luke Arizona, Cannon, New Mexico, McConnel Kansas dan Grand Prairie, Texas.

Senario yang sama juga berlaku apabila mereka memperoleh helikopter tempur Apache yang terpaksa ditempatkan di pangkalan udara Marana, Arizona.

Secara dasarnya latihan yang ditempuhi anggota tentera SAF akan

meningkatkan lagi tahap profesionalisme tetapi dari segi strategi, penempatan kelengkapan tentera beribu kilometer jauhnya dari teater konflik sama seperti tidak mempunyai kelengkapan itu.

Satu pertiga daripada aset SAF ditempatkan di luar Singapura dan dari segi logistik dan strategi, ini adalah satu malapetaka jika berlaku konflik.

Kecuali Singapura mempunyai kemudahan logistik yang cekap seperti yang dimiliki Amerika, maka kekangan itu tidak lagi menimbulkan masalah.

Sebab itulah agaknya Singapura bersungguh-sungguh mengadakan kemudahan Pangkalan Udara Paya Lebar dan Pangkalan Laut Changi mengikut spesifikasi

kapal terbang pengangkut dan kapal pengangkut jet pejuang dimiliki AS.

Oleh kerana perubahan demografi yang ketara berlaku sejak kebelakangan ini, Singapura menghadapi kekurangan tenaga manusia yang begitu kronik.

Situasi ini mengakibatkan SAF terpaksa mengurangkan anggota tentera dalam sesebuah unit. Sebagai contoh, jumlah anggota tentera satu batalion

infantri terpaksa dikurangkan daripada 800 kepada 600 orang saja. Unit Perisai juga terpaksa dikurangkan daripada 840 kepada 730 anggota.

Kekurangan tenaga manusia ini adalah salah satu sebab Singapura terdesak menggunakan peralatan ketenteraan teknologi tinggi yang tidak memerlukan penggunaan tenaga yang banyak.

Tetapi yang lebih penting ialah masalah kekurangan tenaga itu mengakibatkan latihan permulaan begitu mahal dan kehilangan anggota tentera begitu sukar dicari ganti.

Masalah ini membuat Singapura terpaksa melatih anggota tentera menggunakan konsep simulasi supaya tahap profesionalisme tinggi dicapai.

Tetapi kaedah latihan itu hanya meningkatkan kecekapan yang terhad kerana keadaan teater konflik sebenar hanya dapat dirasai ketika latihan sebenar.

Kecanggihan peralatan ketenteraan dimiliki SAF akan hanya mengaburi analisis mengenai kekuatan ketenteraan mereka. Tetapi apa yang lebih penting ialah daya tahan rakyat negara itu.

Rakyat Malaysia banyak menempuh konflik - bermula dengan penentangan penjajahan British, pencerobohan tentera Jepun, konfrontasi dengan Indonesia dan tidak ketinggalan menentang dan menghapuskan ancaman penganas komunis.

Semua pengalaman ini diperoleh daripada ancaman dan keadaan sebenar dan bukannya simulasi.